

2024 tahun permulaan tamatkan polemik isu 3R

Oleh Shafry Salim
bhrencana@bh.com.my

Polemik 3R (agama, kaum dan raja) semakin membuak mutakhir ini perlu dibendung dan dihentikan penularannya.

Memasuki tahun baharu 2024, Malaysia perlu bergerak secara progresif dan mapan dalam memacu pertumbuhan ekonomi serta kelestarian sosial.

Namun, jika polemik 3R ini berterusan, Malaysia pasti berdepan dengan krisis dalam yang hanya merugikan dan membantut pembangunan negara.

Maka, rakyat perlu sentiasa bermuhasabah dan memainkan peranan masing-masing bagaimana hendak menghentikan polemik 3R yang mengancam

kestabilan negara.

Dalam usaha ini, rakyat perlu semak dan hayati kembali Rukun Negara yang menjadi teras pembentukan bangsa Malaysia. Rukun Negara diisytiharkan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ismail Nasirudin Shah pada 31 Ogos 1970 adalah ideologi negara bagi memupuk perpaduan rakyat susulan krisis perkauman 13 Mei 1969.

Ternyata strategi ini menjadi antara satu faktor berjaya meredakan ketegangan kaum, seterusnya menjadi pemangkin penyatuan bangsa Malaysia. Kini, selepas 53 tahun Rukun Negara diperkenalkan, akibat kecelaruan politik berlarutan, Malaysia

bergelut dengan krisis perpaduan bangsa era baharu antara lain, berpunca daripada polemik 3R.

Jika dihayati lima prinsip Rukun Negara iaitu Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang serta Kesopanan dan Kesusilaan, jelas memperlihatkan ramuan ampuh untuk rakyat membenam polemik 3R ini.

Prinsip Kepercayaan kepada Tuhan mendorong rakyat mengambil iktibar daripada tradisi keagamaan yang pelbagai untuk mencari titik persamaan dan membina masyarakat menghormati dan meraikan pluralisme agama.

Perkara 3 dan 11 Perlembagaan dengan jelas menyatakan berkenaan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan serta tidak menafikan kebebasan agama lain untuk dianuti bukan Islam di negara ini. Ketegasan ini sepatutnya menjadi penamat kepada mana-mana pihak mempersenda mana-mana agama.

Perpaduan nasional

Kesetiaan kepada Raja dan Negara pula menjadi batu asas perpaduan nasional. Perkembangan politik negara lima tahun ke belakang ini membuktikan kepentingan institusi diraja untu mententeramkan bahang politik negara. Rakyat Malaysia perlu mengekalkan nilai membentuk negara dengan memupuk patriotisme serta membina perasaan tanggungjawab bersama untuk memastikan 'Malaysia bersatu'.

Prinsip Keluhuran Perlembagaan dan Kedaulatan Undang-undang pula menekankan kepentingan

menjunjung Perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi negara. Ketika Malaysia menghadapi cabaran dunia berubah dengan cepat, komitmen kepada Perlembagaan memastikan hak dan kebebasan semua warganegara dilindungi.

Prinsip ini menyeru kepada warganegara untuk turut serta secara aktif dalam proses demokratik demi menjaga nilai keadilan termaktub dalam Perlembagaan. Pemerintahan berdasarkan undang-undang akan menggalakkan keadilan, kesaksamaan dan mencipta persekitaran kondusif untuk pertumbuhan ekonomi serta keyakinan pelabur asing.

Prinsip kelima iaitu Kesopanan dan Kesusilaan pula perlu diakui amat penting untuk disuburkan kembali. Dalam dunia capaian maklumat tanpa sempadan dan kepesatan kepintaran buatan (AI) ketika ini, tanggungjawab menyampaikan maklumat secara bertanggungjawab dan sopan perlu diterapkan ke seluruh warga Malaysia.

Perbezaan pendapat dan pandangan perlu dileraikan secara sopan dan susila. Kandungan internet khususnya media sosial yang mempamerkan perdebatan politik melalui provokasi dan kekeluaran melampau perlu dihentikan kerana ia merosakkan generasi, peradaban bangsa serta imej negara.

Rakyat terutama pemimpin politik perlu menamatkan sentimen 3R daripada terus dipermainkan. Tahun baharu 2024 perlu menjadi detik mula kezaman rakyat Malaysia bersama-sama melaksanakan tanggungjawab membangunkan negara berpandukan Perlembagaan dan Rukun Negara.



Timbalan Pengarah,
Pusat Kepimpinan
dan Kompetensi,
Universiti
Tun Hussein Onn
Malaysia